

## Bank Rakyat Jangka Jumlah Pembiayaan Meningkatkan Tahun Depan

Ditulis oleh BeritaRTM



KUALA LUMPUR - Bank Rakyat menjangkakan jumlah pembiayaannya tahun depan meningkat antara lima hingga sepuluh peratus disebalik persekitaran ekonomi yang mencabar.

Ketua Pegawai Operasinya, Md Khairuddin Arshad yakin ia mampu dicapai menerusi kerjasama dengan Harvey Norman dan Signature Kitchen dalam kempen Pembiayaan Peribadi-i Naik Taraf Kediaman.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Harvey Norman dan Signature Kitchen.

Menerusi kerjasama ini, pelanggan Pembiayaan Peribadi-i Naik Taraf Kediaman dan Kad Kredit-i akan menikmati promosi istimewa apabila membeli perabot di Harvey Norman serta kelengkapan dapur di Signature Kitchen.

Kerjasama strategik ini juga katanya mampu mempelbagaikan perkhidmatan yang ditawarkan sekaligus merupakan peluang yang terbaik untuk mengukuhkan jenama bank tersebut.